



Headline: Doktor wanita ditipu RM270,000
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 1 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 12

Doktor wanita ditipu RM270,000

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 31 JULAI**

MANGSANYA bukan sembarangan tetapi terdiri daripada mereka yang terpelajar dan merupakan golongan profesional.

Terbaharu, seorang doktor muda turut ditipu sindiket *Macau Scam* pada pertengahan bulan ini.

Akibatnya doktor wanita berusia 26 tahun tersebut kerugian kira-kira RM270,000.

Bagaimanapun kecekapan polis berjaya memberkas empat individu termasuk tiga anggota dan dalang sindiket terbabit yang merupakan seorang warga Taiwan.

Menceritakan kejadian, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Selangor, Asisten Komisioner Fazlisyam Abd. Majid berkata, mangsa pada mulanya dihubungi seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mendakwa dia terlibat dengan kes penipuan cukai.

Menurutnya, mangsa yang panik dan percaya dengan dakwaan itu kemudian disambungkan kepada seorang anggota polis sebelum diminta memberikan *username* dan kata laluan akaun banknya.

Ujarnya, menyedari wang berjumlah RM270,000 di akaun banknya lesap selepas itu, mangsa membuat laporan polis dan hasil risikan, pihak berkuasa menyerbu sebuah premis di Cheras, pada 17 Julai lalu, sekali gus menahan empat individu berusia 24 hingga 32 tahun termasuk seorang lelaki Taiwan yang juga dalang utama sindiket tersebut.

“Tiga suspek warga tempatan ini akan mencari mana-mana individu untuk membuka akaun baharu dan selepas proses itu selesai mereka akan memaklumkan kepada lelaki Taiwan berkenaan.

“Berdasarkan siasatan, lelaki Taiwan ini akan datang ke negara ini apabila dimaklumkan terdapat akaun baharu. Untuk rekod, pada tahun ini sahaja suspek telah datang ke Malaysia sebanyak tujuh kali,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu



FAZLISYAM ABD. MAJID (tengah) bersama pegawainya menunjukkan barang yang dirampas daripada sindiket *Macau Scam* di IPK Selangor, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

pejabat Polis Kontinjen Selangor di sini hari ini.

Fazlisyam memberitahu, sindiket tersebut merekrut ahli untuk membeli akaun bank dari mana-mana individu dan membayar sejumlah wang sebagai upah kepada pemilik akaun berkenaan.

Dalam pada itu, beliau mengulangi peringatan agar orang ramai lebih berhati-hati dan peka apabila menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang mendakwa daripada mana-mana pihak berkuasa.

“Sejak 1 Januari hingga 30 Jun tahun ini, kita menerima 187

kes melibatkan kerugian RM15 juta. Orang ramai dinasihatkan supaya tidak panik atau takut apabila menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali yang mengarahkan membuat pemindahan wang atau memberi butiran nombor akaun peribadi.